



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI PERKHIDMATAN BAS BERHENTI-HENTI (SBST) – BAS.MY KUANTAN

KUANTAN, 11 Februari 2026 – Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bersama-sama wakil Menteri Besar Pahang, YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang telah melancarkan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti atau *Stage Bus Services Transformation* (SBST) di Kuantan di Pekarangan Stadium Darul Makmur, Kuantan.

Pelaksanaan SBST Kuantan melibatkan 16 laluan di 2 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Kuantan dan Majlis Daerah Pekan.

Perkhidmatan bas ini dikenali sebagai BAS.MY Kuantan, menampilkan reka bentuk bas berwarna merah jambu yang ceria dan menarik. Operasi perkhidmatan disokong oleh 55 buah bas merangkumi 22 bas midi dan 33 bas mini, lengkap dengan kemudahan penghawa dingin, sistem GPS, mesin tiket elektronik serta CCTV bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang.

BAS.MY Kuantan turut memperkenalkan sistem pembayaran tambang tanpa tunai menggunakan kad debit/kredit serta e-dompot melalui kod QR. Warganegara Malaysia juga boleh menikmati Kad 30 Hari BAS.MY bernilai RM30 untuk perjalanan tanpa had, selain tambang percuma kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, pelajar sekolah dan siswa melalui Kad Konsesi BAS.MY.

Selain itu, pengguna boleh memanfaatkan aplikasi perancang perjalanan yang menyediakan maklumat perkhidmatan dan membantu perancangan perjalanan pengangkutan awam dengan lebih mudah dan efisien.



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

Pelaksanaan SBST ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkasa sistem pengangkutan awam negara, khususnya di luar Lembah Klang. Melalui peranan APAD, perkhidmatan BAS.MY Kuantan terus dipastikan cekap, selamat, mesra pengguna dan boleh diharap bagi meningkatkan mobiliti serta kesejahteraan rakyat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang berteraskan nilai Kesejahteraan dan Ihsan.

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
11 Februari 2026

##TAMAT##

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my